

Headline	Mohamad Akhimullah janji tak lupa diri		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	23 Sep 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	53
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 9,711		



# Mohamad Akhimullah janji tak lupa diri

**Kuala Lumpur:** Penyerang Terengganu Mohamad Akhimullah Anuar Esook berjanji tidak akan 'lupa diri' selepas mencipta sejarah sebagai pemain paling muda terpilih menyarung jersi skuad hoki kebangsaan.

Sebaliknya penyerang yang genap usia 16 tahun pada Mei lalu itu mahu menjadikan ia sebagai motivasi untuk terus bekerja keras dalam usaha mencari lebih banyak kejayaan pada masa depan.

Tegas tonggak skuad TNB Thunderbolt dalam saingan Divisyen 1 Liga Hoki Malaysia itu, dia tidak mahu episod sama berulang seperti yang pernah berlaku kepada beberapa pemain senior dalam usahanya bergelar penyerang terbaik dunia satu hari nanti.

"Saya sebenarnya tidak menyangka akan terpilih mewakili negara seawal usia 16 tahun dan saya janji tak akan besar kepala, saya hanya mahu buktikan kepada diri dengan mengekalkan persembahan terbaik," katanya.

## Terkejut dipilih wakili negara

Akhimullah yang lebih dikenali sebagai 'Rentung' dipanggil kali pertama menyarung jersi Skuad Pembangunan bagi menghadapi saingan Liga Hoki Australia (AHL) di Perth bermula Khamis ini selepas

menampilkkan aksi mengagumkan sepanjang tahun ini.

Sambil mengakui masih terkejut dengan kejayaan terpilih mewakili skuad kebangsaan, Rentung yang bakatnya diglap Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) mengakui ini adalah peluang terbaik untuknya membuktikan kemampuan kerana AHL menjadi medan terakhir pemilihan pemain ke Kejohanan Trofi Juara-Juara Asia di Kuantan, Pahang bulan depan.

Malah, dia yang kini mendahului senarai penjaring terbanyak Divisyen 1 MHL dengan 14 gol menganggap kesempatan beraksi di sisi penyerang idolanya Faizal Saari juga sedikit sebanyak mengurangkan tekanannya.

"Tiada tekanan untuk beraksi bersama Faizal kerana saya sudah biasa dengan corak permainannya ketika mewakili Terengganu di Piala Razak (Mei lalu), malah dia juga banyak memberi tunjuk ajar kepada saya."

Di Perth, Skuad pembangunan atau 'Malaysia Blue' diletakkan dalam Kumpulan B bersama-sama pasukan remaja kebangsaan India, WA Thundersticks, ACT Canberra Lakers, SA Southern Hotshots dan Tasmania Tassie Tigers.  
**Oleh Naqib Nor Said**

Headline	Mohamad Akhimullah janji tak lupa diri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,711		

